



29 Mac 2013  
29 March 2013  
P.U. (A) 120

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PETROLEUM  
(CUKAI PENDAPATAN) (ELAUN PELABURAN) 2013

*PETROLEUM (INCOME TAX) (INVESTMENT ALLOWANCE)  
REGULATIONS 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERATURAN-PERATURAN PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN)  
(ELAUN PELABURAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 22A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Akta 543], Ketua Pengarah membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Pelaburan) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 30 November 2010.

**Pemakaian**

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua orang yang boleh dikenakan cukai yang menjalankan operasi petroleum berkenaan dengan suatu projek yang layak.

**Tafsiran**

3. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini—

“bertekanan tinggi bersuhu tinggi” ertinya suatu projek untuk pembangunan reservoir dalam keadaan suhu dasar telaga tidak terganggu melebihi 150°C atau 300°F dan jika sama ada jangkaan tekanan liang maksimum bagi apa-apa formasi porous melebihi 0.8 pip/ka. (lebih daripada 15.4ppg mud), atau kelengkapan kawalan tekanan dengan tekanan kerja terkadar melebihi 10,000 pip;

“gas karbon dioksida tinggi” ertinya suatu projek dengan kandungan gas karbon dioksida lebih daripada dua puluh peratus atau tidak menepati spesifikasi loji gas tempat adunan dan memerlukan penyingkiran karbon dioksida;

“medan” ertinya suatu kawasan dalam kawasan perjanjian petroleum;

“medan marginal” ertinya suatu medan dalam kawasan perjanjian petroleum sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 4;

“Pelan Pembangunan Medan” ertinya suatu pelan untuk pembangunan medan minyak atau gas yang diluluskan oleh Petroliam Nasional Berhad;

“perolehan minyak tertingkat” ertinya suatu projek pembangunan tahap ketiga yang melibatkan proses yang mengaplikasikan tenaga luar ke reservoir untuk mempertingkatkan faktor perolehan daripada medan pengeluaran;

“projek laut dalam” ertinya suatu projek di kedalaman air lebih daripada dua ratus meter;

“projek yang layak” ertinya suatu projek sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 5.

### **Medan marginal**

4. Menteri boleh menentukan suatu medan marginal iaitu suatu medan dalam kawasan perjanjian petroleum yang mempunyai rizab minyak mentah yang berpotensi tidak melebihi tiga puluh juta tong tangki stok atau rizab gas asli tidak melebihi lima ratus bilion kaki padu standard.

### **Projek yang layak**

5. Menteri boleh menentukan suatu projek yang layak iaitu suatu projek yang dijalankan oleh seseorang yang boleh dikenakan cukai-

(a) di dalam suatu medan yang menjalankan satu atau lebih projek berkenaan dengan perolehan minyak tertingkat, gas karbon dioksida tinggi, bertekanan tinggi bersuhu tinggi atau mana-mana gabungan; atau

- (b) di dalam suatu kawasan di bawah suatu perjanjian petroleum, dikenakan dengan suatu projek laut dalam.

### **Operasi petroleum berasingan**

6. Bagi maksud Akta dan Peraturan-Peraturan ini, operasi petroleum yang dijalankan oleh seseorang yang boleh dikenakan cukai berkenaan dengan suatu projek yang layak hendaklah dianggap sebagai operasi petroleum yang berasingan dan berlainan bagi orang yang boleh dikenakan cukai itu daripada operasi petroleumnya yang lain di medan marginal, projek laut dalam dan projek yang bukan merupakan projek yang layak.

### **Pendapatan kasar**

7. (1) Dalam menentukan pendapatan kasar bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai daripada operasi petroleumnya yang dijalankan berkenaan dengan suatu projek yang layak yang dinyatakan di bawah perenggan 5(a), pendapatan daripada projek yang layak itu hendaklah dianggap berasingan daripada pendapatan kasarnya berkenaan dengan projek yang bukan merupakan projek yang layak.

(2) Jika seseorang yang boleh dikenakan cukai menjalankan operasi petroleumnya di dalam suatu kawasan berkenaan dengan suatu projek yang layak yang dinyatakan di bawah perenggan 5(b), pendapatan kasar daripada kawasan itu hendaklah dianggap sebagai satu pendapatan kasar.

### **Pendapatan larasan**

8. Pendapatan larasan bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada operasi petroleumnya berkenaan dengan suatu projek yang layak hendaklah suatu amaun yang ditentukan mengikut Bahagian III Bab 3 Akta.

### **Kerugian larasan**

9. (1) Dalam keadaan, apabila berlaku kekurangan pendapatan kasar bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada operasi petroleumnya berkenaan dengan suatu projek yang layak yang

dinyatakan di bawah perenggan 5(a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan, sepatutnya terdapat suatu amaun pendapatan larasan bagi orang yang boleh dikenakan cukai itu bagi tempoh itu, amaun yang jumlah bagi semua potongan itu ialah seperti yang sepatutnya dibenarkan di bawah Bahagian III Bab 3 Akta dalam menentukan pendapatan larasan itu melebihi pendapatan kasarnya bagi tempoh itu daripada operasi petroleumnya berkenaan dengan suatu projek yang layak hendaklah diambil kira sebagai amaun bagi kerugian larasannya bagi tempoh itu daripada operasi petroleum itu.

(2) Kerugian larasan yang ditentukan di bawah subperaturan (1) hendaklah hanya dibenarkan sebagai suatu potongan terhadap pendapatan berkanun bagi orang yang boleh dikenakan cukai itu daripada operasi petroleumnya berkenaan dengan projek yang layak itu yang dinyatakan di bawah perenggan 5(a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan.

### **Elaun modal**

10. (1) Jika seseorang yang boleh dikenakan cukai telah bagi maksud menjalankan operasi petroleumnya berkenaan dengan suatu projek yang layak yang dinyatakan di bawah perenggan 5(a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan, melakukan perbelanjaan modal yang layak berhubung dengan suatu aset, hendaklah diberi kepadanya elaun bagi operasi petroleum itu di bawah Jadual Kedua Akta.

(2) Jika seseorang yang boleh dikenakan cukai melakukan perbelanjaan modal yang layak ke atas suatu aset yang digunakan untuk operasi petroleum berkenaan dengan suatu projek yang layak yang dinyatakan di bawah perenggan 5(a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan, dan aset itu juga digunakan bagi projek yang bukan merupakan projek yang layak, maka elaun yang kena dibuat di bawah Jadual Kedua Akta atas aset itu hendaklah diumpukkan berdasarkan pendapatan kasar bagi setiap projek.

(3) Jika, oleh sebab ketiadaan atau kekurangan pendapatan larasan bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai daripada operasi petroleumnya berkenaan dengan suatu projek yang layak yang dinyatakan di bawah perenggan 5(a) atau (b),

mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, pelaksanaan tidak dapat dibuat atau tidak dapat dibuat sepenuhnya ke atas elaun yang orang yang boleh dikenakan cukai itu berhak di bawah subperaturan (1) bagi tahun taksiran itu, maka sekian banyak elaun yang tidak dapat diberikan hendaklah diberikan pada tahun pertama berikutnya bagi tempoh asas itu yang terdapat pendapatan larasan daripada operasi petroleum berkenaan dengan projek yang layak itu, dan tahun-tahun taksiran berikutnya sehingga keseluruhan elaun sebagaimana yang ia berhak diberikan.

(4) Perenggan 49 Jadual Kedua Akta hendaklah terpakai bagi pelupusan perbelanjaan modal yang layak berhubung dengan suatu aset yang dirujuk di bawah subperaturan (1) yang dimiliki oleh orang yang boleh dikenakan cukai itu bagi tempoh kurang dari dua tahun.

(5) Bagi maksud peraturan ini—

“aset” ertinya suatu aset berhubung dengan perbelanjaan modal yang layak telah dilakukan;

“melakukan” mempunyai erti yang sama seperti yang diperuntukkan dalam perenggan 27 dan 35 Jadual Kedua Akta.

### **Pendapatan berkanun**

11. Pendapatan berkanun bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai bagi suatu tahun taksiran daripada operasi petroleumnya berkenaan dengan suatu projek yang layak yang dinyatakan di bawah perenggan 5(a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terdiri daripada amaun bagi pendapatan larasannya daripada operasi petroleum itu bagi tempoh asas bagi tahun itu dan ditolak dengan amaun bagi mana-mana elaun atau amaun agregat bagi elaun yang kena dibuat bagi tahun itu di bawah peraturan 10 daripada operasi petroleumnya berkenaan dengan projek yang layak.

**Elaun pelaburan**

12. (1) Tertakluk kepada peraturan ini, jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran seseorang yang boleh dikenakan cukai telah melakukan perbelanjaan modal yang layak—

(a) berkenaan dengan suatu projek yang layak yang dinyatakan di bawah perenggan 5(a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

(b) atas aset infrastruktur seperti yang ditentukan oleh Menteri,

bagi maksud menjalankan operasi petroleum, maka hendaklah diberikan kepada orang yang boleh dikenakan cukai itu bagi tahun taksiran itu suatu elaun pelaburan bersamaan enam puluh peratus perbelanjaan yang dilakukan itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dalam tempoh sepuluh tahun (kemudian daripada ini disebut sebagai “tempoh yang layak”).

(2) Permulaan tempoh yang layak bagi setiap projek yang layak hendaklah pada tarikh kelulusan Pelan Pembangunan Medan berkenaan dengan projek yang layak itu.

(3) Jika seseorang yang boleh dikenakan cukai melakukan perbelanjaan modal yang layak dalam tempoh yang layak berkenaan dengan suatu projek yang layak dinyatakan di bawah perenggan 5(a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan, perbelanjaan tersebut hendaklah disifatkan telah dilakukan pada hari pertama jualan atau pelupusan petroleum yang boleh dikenakan cukai dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran oleh orang yang boleh dikenakan cukai itu.

(4) Jika suatu elaun diberikan kepada seseorang yang boleh dikenakan cukai di bawah subperaturan (1) bagi suatu tahun taksiran, maka sekian banyak pendapatan berkanun bagi operasi petroleum orang yang boleh dikenakan cukai itu berkenaan dengan suatu projek yang layak yang dinyatakan di bawah perenggan 5(a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi tahun taksiran itu yang bersamaan dengan amaun elaun hendaklah dikecualikan daripada cukai dan amaun yang dikecualikan itu

hendaklah tidak melebihi tujuh puluh peratus pendapatan berkanun projek yang layak itu bagi orang yang boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran itu dan tahun taksiran berikutnya dan selanjutnya.

(5) Jika, oleh sebab ketiadaan atau ketidakcukupan pendapatan berkanun bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai daripada operasi petroleumnya berkenaan dengan suatu projek yang layak yang dinyatakan di bawah perenggan 5(a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, pelaksanaan tidak boleh dibuat sepenuhnya kepada mana-mana elaun yang orang yang boleh dikenakan cukai itu berhak di bawah peraturan ini bagi tahun taksiran itu berkenaan dengan projek yang layak itu, walau apa pun perenggan yang disebut di atas, maka sekian banyak elaun yang tidak dapat diberikan bagi tahun taksiran itu hendaklah disifatkan sebagai suatu elaun yang akan diberikan kepada orang yang boleh dikenakan cukai itu di bawah peraturan ini bagi tahun taksiran pertama berikutnya bagi tempoh asas yang terdapat pendapatan berkanun daripada projek yang layak itu, dan selanjutnya bagi tahun-tahun taksiran berikutnya sehingga orang yang boleh dikenakan cukai itu menerima keseluruhan elaun yang dia berhak berkenaan dengan projek yang layak itu.

(6) Dalam peraturan ini—

(a) perbelanjaan modal yang layak berkaitan suatu “projek yang layak yang dinyatakan di bawah perenggan 5(a) atau (b)” ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan oleh seseorang yang boleh dikenakan cukai ke atas penyediaan loji dan jentera termasuk penyediaan atau pembinaan platform luar pesisir yang tetap untuk penggerudian atau pengeluaran, atau pengekstrakan petroleum berkenaan dengan suatu projek yang layak yang dinyatakan di bawah perenggan 5(a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(b) perbelanjaan modal yang layak atas “aset infrastruktur” ertinya perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh orang yang

boleh dikenakan cukai ke atas aset berkenaan dengan talian paip dan kemudahan berkaitan, digunakan secara terus bagi maksud pengendalian dan pengangkutan petroleum oleh orang yang boleh dikenakan cukai itu ke tempat jualan atau penghantaran atau eksport.

### **Pendapatan boleh taksir**

13. (1) Pendapatan boleh taksir bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai daripada operasi petroleum berkenaan dengan suatu projek yang layak bagi suatu tahun taksiran (dalam peraturan ini disebut sebagai “tahun berkaitan”) hendaklah terdiri daripada amaun pendapatan berkanun bagi orang yang boleh dikenakan cukai itu berkenaan dengan suatu projek yang layak yang dinyatakan di bawah perenggan 5(a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi tahun berkaitan daripada operasi petroleum itu ditolak dengan—

(a) amaun bagi apa-apa kerugian larasan bagi tempoh asas dari tahun taksiran sebelum tahun taksiran berkaitan; kemudian

(b) amaun apa-apa elaun pelaburan atau amaun agregat elaun pelaburan

yang belum dipotong daripada pendapatan berkanunnya di bawah peraturan 9 dan 12 daripada Peraturan-Peraturan ini.

(2) Suatu potongan bagi apa-apa kerugian larasan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat sedapat mungkin daripada pendapatan berkanun orang yang boleh dikenakan cukai daripada operasi petroleumnya berkenaan dengan suatu projek yang layak bagi tahun taksiran pertama selepas tempoh asas yang mana kerugian itu adalah kerugian larasan, dan, sekiranya ia tidak dapat diberikan, daripada pendapatan berkanun daripada operasi petroleum itu bagi tahun taksiran selepasnya, dan selanjutnya.

(3) Pendapatan boleh taksir yang ditentukan di bawah subperaturan (1) hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada pendapatan boleh dikenakan cukai bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai bagi suatu tahun taksiran bagi maksud seksyen 22 Akta.

(4) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, tiga puluh peratus dari amaun pendapatan di bawah subperaturan 12(4) hendaklah disifatkan sebagai pendapatan boleh taksir atau sebahagian daripada pendapatan boleh taksir, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi orang yang boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran berkaitan.

### **Pelupusan**

14. (1) Jika suatu aset yang layak bagi elaun disebut dalam peraturan 12 dilupuskan dalam tempoh dua tahun dari tarikh pemerolehannya, elaun yang telah dibenarkan kepada orang yang boleh dikenakan cukai di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dianggap sebagai pendapatan kasar orang yang boleh dikenakan cukai itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang aset itu dilupuskan.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), “dilupuskan” mempunyai maksud yang diberikan kepadanya dalam perenggan 40 Jadual Kedua Akta.

### **Ketidakkpakaian**

15. Peraturan-Peraturan ini tidak terpakai bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran jika orang yang dikenakan cukai itu—

- (a) telah diberikan pengecualian di bawah Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pengecualian) 2013 [*P.U. (A) 122/2013*];
- (b) telah diberikan suatu elaun pelaburan di bawah Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Modal Dipercepatkan) (Medan Marginal) 2013 [*P.U. (A) 119/2013*];
- (c) menjalankan operasi petroleum di dalam Kawasan Pembangunan Bersama; atau

- (d) menjalankan operasi petroleum di dalam suatu kawasan di bawah mana-mana perjanjian atau perkiraan yang dibuat oleh Kerajaan dengan mana-mana kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia bagi eksplorasi dan eksploitasi petroleum di kawasan pertindihan.

Dibuat 22 Mac 2013

[Perb. CR(8.09)681/2-61(Sj.19)]ld.3(Sk.2); LHDN.01/35/(S)/42/51Klt.17;

PN(PU2)80A/XIX]

TAN SRI DR. MOHD SHUKOR BIN MAHFAR  
*Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri*

PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

PETROLEUM (INCOME TAX) (INVESTMENT ALLOWANCES) REGULATIONS 2013

IN exercise of the powers conferred by subsection 22A(1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967 [Act 543], the Director General makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Petroleum (Income Tax) (Investment Allowance) Regulations 2013**.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 30 November 2010.

**Application**

2. These Regulations shall apply to all chargeable persons carrying on petroleum operations in respect of a qualifying project.

**Interpretation**

3. For the purpose of these Regulations—

“high pressure high temperature” means a project for the development of a reservoir in an undisturbed bottom hole temperature conditions of greater than 150°C or 300°F and where either the maximum anticipated pore pressure of any porous formation exceeds 0.8 psi/ft. (more than 15.4ppg mud), or pressure control equipment with a rated working pressure in excess of 10,000 psi;

“high carbon dioxide gas” means a project with carbon dioxide gas content of more than twenty per cent or not meeting gas plant specifications post blending and require carbon dioxide removal;

“field” means an area within a petroleum agreement area;

“marginal field” means a field within a petroleum agreement area as provided for under regulation 4;

“Field Development Plan” means a plan for the development of oil or gas field approved by Petroliam Nasional Berhad;

“enhanced oil recovery” means a tertiary development project which involves processes where external energy is applied to the reservoir to improve the recovery factor from producing fields;

“deepwater project” means a project in water depth of more than two hundred meters;

“qualifying project” means a project as provided for under regulation 5.

**Marginal field**

4. The Minister may determine a marginal field which is a field in a petroleum agreement area which has potential crude oil reserves not exceeding thirty million stock tank barrels or natural gas reserves not exceeding five hundred billion standard cubic feet.

**Qualifying project**

5. The Minister may determine a qualifying project which is a project undertaken by a chargeable person—

(a) in a field which carries out one or more projects in respect of enhanced oil recovery, high carbon dioxide gas, high pressure high temperature or any combination thereof; or

(b) in an area under a petroleum agreement, in respect of a deepwater project.

**Separate petroleum operations**

6. For the purpose of the Act and these Regulations, petroleum operations carried on by a chargeable person in respect of a qualifying project shall be treated as separate and distinct petroleum operations of that chargeable person from his other petroleum operations in marginal fields, deepwater projects and projects which are not qualifying projects.

**Gross income**

7. (1) In ascertaining the gross income of a chargeable person from his petroleum operations carried on in respect of a qualifying project specified under regulation paragraph 5(a), income from that qualifying project shall be treated separately from his gross income in respect of projects which are not qualifying projects.

(2) Where a chargeable person carries on his petroleum operations in an area in respect of a qualifying project specified under regulation paragraph 5(b), the gross income from that area shall be treated as one gross income.

**Adjusted income**

8. The adjusted income of a chargeable person for the basis period for a year of assessment from his petroleum operations in respect of a qualifying project shall be the amount ascertained in accordance with Part III of Chapter 3 of the Act.

**Adjusted loss**

9. (1) Where but for an insufficiency of gross income of a chargeable person for the basis period for a year of assessment from his petroleum operations in respect of a qualifying project specified under paragraph 5(a) or (b), as the case may be, there would have been an amount of adjusted income of that chargeable person for that period, the amount by which the total of all such deductions as would then have been allowed under Part III of Chapter 3 of the Act in ascertaining that adjusted income exceeds his gross income for that period from his petroleum operations in respect of a

qualifying project shall be taken to be the amount of his adjusted loss for that period from that petroleum operations.

(2) The adjusted loss ascertained under subregulation (1) shall only be allowed as a deduction against the statutory income of the chargeable person from his petroleum operations in respect of that qualifying project specified under paragraph 5(a) or (b), as the case may be.

### **Capital allowance**

10. (1) Where a chargeable person has for the purposes of carrying on his petroleum operations in respect of a qualifying project specified under paragraph 5(a) or (b), as the case may be, incurred qualifying capital expenditure in relation to an asset, there shall be made to him allowances to that petroleum operations under the Second Schedule to the Act.

(2) Where a chargeable person incurs qualifying capital expenditure on an asset used for petroleum operations in respect of a qualifying project specified under paragraph 5(a) or (b), as the case may be, and that asset is also used for projects which are not qualifying projects, then the allowances which fall to be made under Second Schedule to the Act on that asset shall be apportioned based on the gross income of each project.

(3) Where, by reason of the absence or insufficiency of the adjusted income of a chargeable person from his petroleum operations in respect of a qualifying project specified under paragraph 5(a) or (b), as the case may be, for the basis period for a year of assessment, effect cannot be given or cannot be given in full to the allowance to which the chargeable person is entitled under subregulation (1) for that year of assessment, then so much of that allowance which cannot be made shall be made in the first subsequent year for the basis period for which there is adjusted income from petroleum operations in respect of that qualifying project, and for subsequent years of assessment until the whole of the allowance to which he is so entitled is made.

(4) Paragraph 49 of the Second Schedule to the Act shall apply to the disposal of qualifying capital expenditure in relation to an asset referred to under subregulation (1) which is owned by that chargeable person for a period of less than two years.

(5) For the purpose of this regulation—

“asset” means an asset in relation to which qualifying capital expenditure has been incurred;

“incurred” has the same meaning assigned to it in paragraphs 27 and 35 of the Second Schedule to the Act.

### **Statutory income**

11. The statutory income of a chargeable person for a year of assessment from his petroleum operations in respect of a qualifying project specified under paragraph 5(a) or (b), as the case may be, shall consist of the amount of his adjusted income from that petroleum operations for the basis period for that year and reduced by the amount of any allowance or the aggregate amount of the allowances falling to be made for that year under regulation 10 from his petroleum operations in respect of qualifying project.

### **Investment allowance**

12. (1) Subject to this regulation, where in the basis period for a year of assessment a chargeable person has incurred qualifying capital expenditure—

(a) in respect of a qualifying project specified under paragraph 5(a) or (b), as the case may be; or

(b) on an infrastructure asset as determined by the Minister,

for the purpose of carrying on petroleum operations, there shall be given to that chargeable person for that year of assessment an investment allowance equal to sixty per cent of that expenditure incurred in the basis period for a year of assessment within a period of ten years (hereinafter referred to as “qualifying period”).

(2) The commencement of the qualifying period of each qualifying project shall be on the date of the approval of the Field Development Plan in respect of that qualifying project.

(3) Where a chargeable person incurs qualifying capital expenditure within the qualifying period in respect of a qualifying project specified under paragraph 5(a) or (b), as the case may be, that expenditure shall be deemed to be incurred on the day of first sale or disposal of chargeable petroleum in the basis period for a year of assessment by that chargeable person.

(4) Where an allowance is given to a chargeable person under subregulation (1) for a year of assessment, so much of the statutory income of the petroleum operations of the chargeable person in respect of a qualifying project specified under paragraph 5(a) or (b), as the case may be, for that year of assessment as is equal to the amount of the allowance shall be exempt from tax and the amount so exempt shall not exceed seventy per cent of the statutory income of that qualifying project of the chargeable person for that year of assessment and for the next year of assessment, and so on.

(5) Where, by reason of an absence or insufficiency of statutory income of a chargeable person from his petroleum operations in respect of a qualifying project specified under paragraph 5(a) or (b), as the case may be, for the basis period for a year of assessment, effect cannot be given in full to any allowance to which the chargeable person is entitled to under this regulation for that year of assessment in respect of that qualifying project, notwithstanding the foregoing paragraphs, so much of the allowance as cannot be given for that year of assessment shall be deemed to be an allowance to be given to the chargeable person under this regulation for the first subsequent year of assessment for the basis period for which there is statutory income from that qualifying project, and so on for subsequent years of assessment until the chargeable person has received the whole of the allowance to which it is so entitled in respect of that qualifying project.

(6) In this regulation—

- (a) qualifying capital expenditure in respect of a “qualifying project specified under paragraph 5(a) or (b)” means capital expenditure incurred by a chargeable person on the provision of plant and machinery including the provision or construction of fixed off-shore platforms for drilling or production, for extraction of petroleum in respect of a qualifying project specified under paragraph 5(a) or (b), as the case may be; and
- (b) qualifying capital expenditure on “infrastructure asset” means the qualifying capital expenditure incurred by a chargeable person on an asset in respect of pipeline and associated facilities, directly used for the purposes of handling and transporting petroleum by that chargeable person to any point of sale or delivery or export.

### **Assessable income**

13. (1) The assessable income of a chargeable person from petroleum operations in respect of a qualifying project for a year of assessment (in this regulation referred to as “the relevant year”) shall consist of the amount of his statutory income in respect of a qualifying project specified under paragraph 5(a) or (b), as the case may be, for the relevant year from that petroleum operations reduced by—

- (a) the amount of any adjusted loss for the basis period from the year of assessment preceding the relevant year of assessment; then
- (b) the amount of any investment allowance or the aggregate amount of investment allowance;

which has not been deducted from his statutory income under regulations 9 and 12 of these Regulations.

(2) A deduction of any adjusted loss under subregulation (1) shall be made as far as possible from the statutory income of the chargeable person from his petroleum

operations in respect of a qualifying project for the first year of assessment after that for the basis period for which that loss is the adjusted loss, and, so far as it cannot be so made, then from the statutory income from that petroleum operations for the next year of assessment, and so on.

(3) The assessable income ascertained under subregulation (1) shall be treated as part of the chargeable income of a chargeable person for a year of assessment for the purpose of section 22 of the Act.

(4) For the purpose of these Regulations, thirty per cent of the amount of income under subregulation 12(4) shall be deemed to be the assessable income or part of the assessable income, as the case may be, of the chargeable person for the relevant year of assessment.

### **Disposal**

14. (1) Where an asset which qualifies for the allowances referred to in regulation 12 is disposed of within two years from the date of its acquisition, the allowances which have been allowed to the chargeable person under these Regulations shall be treated as gross income of that chargeable person in the basis period for a year of assessment in which the asset is disposed of.

(2) For the purpose of subregulation (1), “disposed of” has the meaning assigned to it in paragraph 40 of the Second Schedule to the Act.

### **Non-application**

15. These Regulations shall not apply to a chargeable person for the basis period for a year of assessment where that chargeable person—

(a) has been granted exemption under the Petroleum (Income Tax) (Exemption) Order 2013 [*P.U. (A) 122/2013*];

- (b) has been granted an investment allowance under the Petroleum (Income Tax) (Accelerated Capital Allowance) (Marginal Field) Rules 2013 [*P.U. (A) 119/2013*];
- (c) carries on petroleum operations in the Joint Development Area; or
- (d) carries on petroleum operations in an area under any agreement or arrangement made by the Government with the government of any territory outside Malaysia for the joint exploration and exploitation of petroleum in overlapping areas.

Made 22 March 2013

[Perb. CR(8.09)681/2-61(Sj.19)]ld.3(Sk.2); LHDN.01/35/(S)/42/51Klt.17;  
PN(PU2)80A/XIX]

TAN SRI DR. MOHD SHUKOR BIN MAHFAR  
*Director General of Inland Revenue*